

Razak jurutera sosial negara

UM - 17/6/2009

KUALA LUMPUR 16 Jun - Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin menyifatkan Tun Abdul Razak sebagai jurutera sosial (*social engineer*) terbesar dalam sejarah pemerintahan negara.

Beliau berkata, Tun Abdul Razak meninggalkan sesuatu yang amat berharga kepada perkembangan sosial negara apabila memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) terutama bagi membasmi kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira keturunan.

Bagaimanapun, menurutnya, kontrak sosial yang telah terlaksana sejak DEB diperkenalkan semakin dilupakan pada hari ini atas alasan kebebasan.

"Golongan ini tidak pernah terfikir bahawa kerana kontrak sosial yang wujud sebelum inilah, kini kita dapat bina kemakmuran negara seperti sekarang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan penutupan Seminar Legasi Tun Abdul Razak di sini hari ini.

DEB yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua itu merupakan mekanisme dinamik bagi kemantapan dan pengisian kontrak sosial antara orang Melayu dan bukan Melayu setelah orang Melayu bersetuju memberikan hak kerakyatan kepada bukan Melayu sebagai jambatan ke arah kemerdekaan.

Zainuddin berkata, ada pihak yang tidak bertanggungjawab yang melihat ketelusan dan kebebasan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai peluang untuk merungkaikan kontrak sosial itu.

"Ada pihak yang melihat kebebasan dan ketelusan Abdullah sebagai peluang untuk merungkaikan kontrak sosial.

"Kebebasan dan ketelusan Pak Lah ditafsirkan oleh DAP dan wartawan-wartawan yang tidak mengenali sejarah sebagai hak untuk mempersoalkan kembali perkara-perkara sensitif yang telah dipersetujui bersama," katanya.

Beliau sebagai contoh, menegur sege-lintir wartawan muda yang membangkitkan semula sentimen agama dan kontrak sosial atas nama kebebasan.

Menurut beliau, kebebasan yang diberikan oleh Abdullah bukanlah boleh dibincang secara melampau sehingga menjejaskan kontrak sosial sedia ada.

"Kebebasan yang tidak melampau ini bukan untuk *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia* sahaja, tetapi kebebasan itu untuk *Sin Chew*, *Nanyang* dan untuk akhbar lain," kata beliau.

Zainuddin seterusnya berkata, kebanyakan masyarakat di negara ini hanya membaca akhbar yang dikeluarkan kaum-kaum

tertentu sahaja tanpa mendapat maklumat daripada akhbar kaum lain.

Beliau juga mendedahkan bagaimana sebuah akhbar bahasa Inggeris menyiarkan pendapat seorang Melayu yang memuji kebebasan beragama di Indonesia lebih baik daripada Malaysia.

"Macam semalam, orang Melayu yang pergi ke Indonesia, dia kata kebebasan agama di republik itu lebih baik daripada kita.

"Pendapat dia disiarkan dalam akhbar Inggeris. Ia akan membuat orang bukan Islam rasakan kerajaan kita ini tidak elok,"

kata beliau tanpa menyebut nama akhbar itu.

Zainuddin berkata, Abdullah sedang meneruskan usaha untuk membangunkan nasionalisme Malaysia yang melampaui batas kaum dan agama dengan caranya yang tersendiri walaupun banyak mengikut gaya Tun Abdul Razak.

"Adunan mekanisme Tun Abdul Razak dan kekuatannya ialah terhadap kepakaran birokratik dan kepintaran politik dan dalam hal ini, ada 'chemistry' dapat dilihat antara Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.



ZAINUDDIN Maidin (dua dari kiri) menerima cenderamata daripada Hishamuddin Tun Hussein Onn sambil diperhatikan Khairy Jamaluddin (kiri) dan Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda UMNO, Datuk Reezal Merican Naina Merican pada majlis perasmian penutup Seminar Legasi Tun Abdul Razak di Pusat Konvensyen Sime Darby, Bukit Kiara semalam.